

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 MAC 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penglibatan Malaysia dalam NSS penting	Utusan Malaysia
2.	Zahid to attend Nuclear Security Summit in US	New Straits Times
3.	Zahid tiba untuk lawatan kerja di AS	BERNAMA
4.	NSS bantu Malaysia cegah pemerdagangan bahan nuklear	BERNAMA
5.	IT@Metro terima pengiktirafan	Harian Metro
6.	Reka cipta pelajar sekolah	Berita Harian
7.	Semak ramalan cuaca	Harian Metro
8.	Atasi teksi panas melampau	Harian Metro
9.	MCMC, polis rampas peranti komunikasi tidak patuhi standard	BERNAMA
10.	Nuklear Malaysia miliki kepakaran lupus sumber radioaktif terkedap	Berita Harian
11.	Rain in Penang – a welcome relief	The Star
12.	Kedah, Perlis are the hottest states	The Star
13.	More Sabah villages going dry	The Star
14.	Gempa bumi sederhana di Timur Laut Bitung, Indonesia	BERNAMA
15.	Gempa bumi sederhana di Selatan Sumatera	BERNAMA
16.	Kedah dan Perlis catat suhu tertinggi setakat 3 petang	BERNAMA
17.	Ekuinoks bukan punca cuaca panas melampau	KOSMO

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

Beri manfaat cara tangani pemerdagangan bahan nuklear

Penglibatan Malaysia dalam NSS penting

■ WASHINGTON 29 MAC

PENGLIBATAN Malaysia dalam Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear (NSS) kali keempat pada 31 Mac dan 1 April ini adalah penting sekalipun negara bukanlah aktif atau memiliki keparan dalam bidang nuklear.

Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat (AS), Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, bersama-sama 53 negara lain yang menyertai NSS, Malaysia berpeluang menerima banyak manfaat terutama berkaitan dengan usaha mengenal pasti dan mencegah pemerdagangan bahan nuklear.

Menurut beliau, penyertaan Malaysia dalam NSS juga akan memberi pemahaman yang jelas kepada negara untuk memastikan tidak berlaku usaha-usaha menyalahgunakan perkhidmatan perbankan negara untuk penyaluran dana bagi keganasan nuklear.

"Secara asasnya, NSS memberi pendedahan kepada kita terhadap usaha mencegah pemerdagangan senjata nuklear di tangan pihak yang tidak bertanggungjawab khususnya oleh kalangan pengganas," kata Awang Adek dalam sidang akhbar dengan wartawan Malaysia di pejabatnya di sini hari ini.

Sidang kemuncak dwitahunan yang akan berlangsung selama dua hari bermula Khamis ini bertujuan mencegah keganasan nuklear di seluruh dunia selain memberi fokus kepada langkah melindungi plutonium dan uranium gred senjata bagi keganasan nuklear.

Pada sidang kali ini, Malaysia akan diwakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid turut diiringi isterinya, Datin Seri Hamidah Khamis



Saharudin Musthafa

Melaporkan dari WASHINGTON, AS



Secara asasnya, NSS memberi pendedahan kepada kita terhadap usaha mencegah pemerdagangan senjata nuklear di tangan pihak yang tidak bertanggungjawab khususnya oleh kalangan pengganas."

AWANG ADEK HUSSIN
Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat

serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dalam lawatan kerja selama tujuh hari di sini.

Sidang NSS yang merupakan inisiatif Presiden AS, Barack Obama kali pertama diadakan di Washington diikuti di Seoul, Korea (2010) dan di The Hague, Belanda (2014).

Selain itu, Awang Adek berkata, dalam lawatan kerja kali ini, Timbalan Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan beberapa pegawai kanan AS bagi membincangkan beberapa kerjasama dua hala antara dua negara.

Beliau berkata, dalam pertemu-

muan-pertemuan itu kelak, Malaysia dan AS akan membincangkan mengenai hal ehwal perisikan dan keselamatan antara kedua-dua negara.

Menurut Awang Adek, Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri akan bertemu dengan Penasihat Keselamatan Negara di bawah pentadbiran Presiden Obama, Susan Elizabeth Rice.

Beliau turut memberitahu, Ahmad Zahid juga akan mengadakan pertemuan dengan Pengarah Agensi Perisikan Pusat (CIA), John Brennan; Timbalan Setiausaha Negara, Anthony J Blinken; Timbalan Setiausaha Keselamatan Dalam Negara, Alejandro Mayorkas dan Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Daniel Russel.

"Malaysia dan Amerika Syarikat akan terus menjalin kerjasama rapat dalam hubungan dua hala ini, terutama di bidang politik, ekonomi, pertahanan dan keselamatan.

"Hubungan kedua-dua negara ini dalam momentum menaik, susulan kejayaan lawatan kerja Presiden Obama ke Malaysia pada 20 hingga 22 Oktober tahun lalu sempena Sidang Kemuncak Asean," kata Awang Adek lagi.

Sementara itu, ditanya mengenai usaha untuk memasukkan Malaysia di bawah Program Pengecualian Visa Ke AS pula, Awang Adek berkata, terdapat kemajuan mengenai cadangan berkenaan dan perkara itu akan menjadi tumpuan Timbalan Perdana Menteri dalam lawatan kali ini.

Dalam kesibukan menghadiri NSS serta pertemuan dengan beberapa pegawai kanan AS, Ahmad Zahid juga akan menyampaikan ucapan dan berdialog mengenai keganasan dan radikalisme di American University di sini pada 2 April ini. - UTUSAN

Zahid to attend Nuclear Security Summit in US

WASHINGTON: The Fourth Nuclear Security Summit (NSS), which starts here today, is relevant to Malaysia, even though the country is not a nuclear power, said Malaysian ambassador to the United States Datuk Dr Awang Adek Hussain.

Apart from preventing the trafficking of nuclear materials, Awang Adek said Malaysia could also identify efforts to channel funds to support nuclear terrorism.

At a press conference at the Malaysian embassy here, he said all parties should curb the trafficking of nuclear weapons or materials to prevent them from falling into the wrong hands.

Awang Adek said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi would meet senior United States officials to discuss greater bilateral cooperation in intelligence gathering and security.

He said the meeting today would involve White House officials, including President Barack Obama's national security adviser, Susan Elizabeth Rice, Central Intelligence Agency director John Brennan, Deputy Secretary of State Anthony J. Blinken, Deputy Secretary of Homeland Security Alejandro Mayorkas and Assistant Secretary of State for East Asia and the Pacific Affairs Daniel Russel.

"Malaysia and the US will continue to foster close bilateral coop-

eration, especially in politics, economy, defence and security.

"Ties between both countries are on an upward momentum after Obama's working visit to Malaysia on Nov 20 to 22 for the 27th Asean Summit."

Zahid, who is home minister, will be accompanied by his wife, Datin Seri Hamidah Khamis, and Science Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Zahid's working visit will end on Monday, with the highlight being NSS tomorrow and on Friday at the Walter E. Washington Convention Center here. Leaders from 53 nations will attend the summit.

On Malaysia's efforts to be a part of the US's visa-waiver programme, Awang Adek said there was progress on that front, adding that Zahid was expected to raise the matter during the visit.

He said Zahid would deliver a speech and hold a dialogue on terrorism and radicalisation at a special session at the American University here on Saturday.

The first NSS was held here in 2010, followed by Seoul, South Korea, in 2012, and The Hague in The Netherlands in 2014.

The summit aims to boost international nuclear security by facilitating cooperation between leaders of the 53 nations.



Zahid Tiba Untuk Lawatan Kerja Di AS



Daripada Hafizah Kamaruddin

WASHINGTON, 29 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tiba di sini Selasa untuk lawatan kerja seminggu termasuk menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear.

Sidang kemuncak dua hari itu akan bermula Khamis ini di Pusat Konvensyen Walter E. Washington.

Ahmad Zahid dan isterinya, Datin Seri Hamidah Khamis tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Dulles kira-kira pukul 8.40 pagi (waktu tempatan) dengan penerbangan komersial.

Ketibaannya disambut Duta Besar Malaysia di Amerika Syarikat Datuk Dr Awang Adek Hussin dan isteri Datin Latifah Mohd Yusof.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau turut bersama Timbalan Perdana Menteri ke sidang kemuncak itu yang akan menumpukan kepada langkah melindungi plutonium dan uranium gred senjata bagi menangani keganasan nuklear.

Semasa di sini, Ahmad Zahid turut dijangka menemui beberapa pegawai kanan Amerika Syarikat termasuk Penasihat Keselamatan Negara, Susan Elizabeth Rice untuk membincangkan isu bagi meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara terutama hal ehwal perisikan dan keselamatan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri akan turut mengadakan perbincangan dengan Pengarah Agensi Perisikan Pusat (CIA) John Brennan; Timbalan Setiausaha Negara, Anthony J Blinken; Timbalan Setiausaha Keselamatan Dalam Negara, Alejandro Mayorkas; dan Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Daniel Russel, sebelum sidang kemuncak itu.

Timbalan Perdana Menteri juga akan menghadiri majlis makan malam bersama ketua-ketua industri serta 'Rakan Malaysia' daripada sektor awam dan swasta untuk bertukar pandangan mengenai cara meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Selain itu, Ahmad Zahid juga akan berkongsi pengalaman Malaysia pada satu ceramah bertajuk "Cabaran ekstremisme dan keganasan termasuk pendekatan deradikalisasi di Malaysia" dalam sesi bersama pensyarah dan pelajar dari universiti-universiti Amerika pada Sabtu.

-- BERNAMA



NSS Bantu Malaysia Cegah Pemerdagangan Bahan Nuklear - Duta Malaysia



Daripada Hafizah Kamaruddin

WASHINGTON, 29 Mac (Bernama) -- Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear (NSS) yang akan diadakan Khamis ini di sini membantu Malaysia dalam mengenal pasti dan mencegah pemerdagangan bahan nuklear di dalam dan perairan negara, kata Duta Besar Malaysia di Amerika Syarikat Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Beliau berkata walaupun Malaysia bukan negara yang aktif dalam bidang nuklear, sidang kemuncak itu penting dalam membantu negara mengenal pasti usaha-usaha pihak tertentu dalam menyalahgunakan perkhidmatan perbankan negara untuk penyaluran dana bagi keganasan nuklear.

"Pada asasnya ia adalah untuk mencegah senjata atau bahan nuklear daripada diperdagangkan dan jatuh ke tangan yang salah.

"Bukan hanya membabitkan senjata nuklear tetapi juga bahan nuklear yang boleh digunakan oleh kumpulan pengganas," katanya kepada wartawan Malaysia di Kedutaan Malaysia di sini pada Isnin.

Sidang Kemuncak dwitahunan yang diadakan sejak 2010 itu bagi mencegah keganasan nuklear di seluruh dunia, kali ini akan memberi fokus kepada langkah melindungi plutonium dan uranium gred senjata bagi keganasan nuklear.

Malaysia akan diwakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang juga Menteri Dalam Negeri pada sidang kemuncak itu.

Awang Adek berkata 53 buah negara serta Kesatuan Eropah, Pertubuhan Bangsa Bersatu, Interpol dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa akan menyertai sidang kemuncak pada tahun ini.

Beliau berkata sebanyak 21 presiden dan 15 perdana menteri telah mengesahkan kehadiran mereka.

Katanya Ahmad Zahid dijadual tiba di sini pada Selasa akan diiringi **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** dan pegawai kanan daripada Kementerian Luar, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dan **Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan Agensi Nuklear Malaysia**.

Di luar sidang kemuncak itu, katanya Ahmad Zahid akan mengadakan pertemuan dengan beberapa pegawai kanan Amerika Syarikat termasuk Susan Elizabeth Rice, Penasihat Keselamatan Negara di bawah pentadbiran Presiden Barack Obama bagi membincangkan kerjasama dua hala yang lebih kukuh dalam hal ehwal perisikan dan keselamatan di antara kedua-dua negara.

Ahmad Zahid juga akan mengadakan pertemuan dengan Pengarah Agensi Perisikan Pusat (CIA) John Brennan; Timbalan Setiausaha Negara Anthony J Blinken; Timbalan Setiausaha Keselamatan Dalam Negara Alejandro Mayorkas dan Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik Daniel Russel, katanya.

Beliau berkata ini adalah kali kedua lawatan Ahmad Zahid ke Amerika Syarikat sejak memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan keempat sebagai Menteri Dalam Negeri.

"Kekerapan lawatan Ahmad Zahid ke Amerika Syarikat menandakan bertambah pentingnya hubungan Amerika Syarikat dan Malaysia serta kerjasama yang lebih erat," katanya.

Ditanya mengenai usaha untuk memasukkan Malaysia di bawah Program Pengecualian Visa Ke Amerika Syarikat, Awang Adek berkata terdapat kemajuan mengenai cadangan itu.

"Perkara itu akan disentuh oleh Ahmad Zahid ketika berada di sini. "Biarlah beliau (Ahmad Zahid) menjelaskannya nanti," katanya sambil menambah, Timbalan Perdana Menteri akan turut menyampaikan ucapan dan berdialog tentang keganasan dan radikalisasi ketika menghadiri sesi khusus di American University pada Sabtu.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@METRO): MUKA SURAT 8
TARIKH: 30 MAC 2016 (RABU)

IT@METRO TERIMA PENGIKTIRAFAN

Wartawan IT@Metro, Afiq Hanif menerima Anugerah Khas Cybersecurity Malaysia (CSM) yang menghargai sokongan media tempatan dalam memberi pendedahan mengenai keselamatan siber di negara ini.

CSM bernaung di bawah Kementerian Teknologi, Sains dan Inovasi (MOSTI) yang menerajui industri keselamatan siber di negara ini.

Anugerah terbabit disampaikan Menteri Menterinya Datuk Seri Madius Tangau.

"Media memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat kepada orang ramai terutama perkara dan isu yang berkaitan terutama dalam keadaan penggunaan media sosial yang meluas di negara ini," katanya.

AFIQ (dua dari kanan) menerima sijil daripada Madius.



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SKOR) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 30 MAC 2016 (RABU)



KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

SEMAK RAMALAN CUACA

Data disediakan aplikasi mudah alih myCuaca MetMalaysia beri manfaat untuk semua

REVIU APP

Wan Nur Ameera Meor Rozman
it@hmetro.com.my

Memandangkan negara sedang berdepan fenomena El Nino, justeru rakyat Malaysia digalakkan memuat turun aplikasi myCuaca MetMalaysia yang dibangunkan Jabatan Meteorologi Malaysia, sebuah Agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).


Menerusi aplikasi ini, orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai ramalan cuaca harian bagi setiap daerah, bandar, negeri dan tempat-tempat tarikan pelancong agar perancangan anda tidak terbataskan disebabkan oleh cuaca tidak menentu.

Disahkan oleh MetMalaysia, pelancong



asing dan masyarakat Malaysia khususnya tidak perlu meragui data yang disediakan selain boleh menyemak maklumat seismologi, radar cuaca dan imej satelit Malaysia.

Malah, melalui aplikasi mudah alih ini, pengguna juga akan



disalurkan informasi berkaitan amaran hujan lebat, ribut petir dan tekanan rendah tropika.

Bagi yang ingin melancong di sekitar negara pula, anda juga boleh mendapatkan ramalan cuaca ditempat yang ingin ditujui serta paparan suhu semasa



di negeri-negeri seluruh Malaysia.

Tanpa mengira masa, aplikasi ini dilihat amat berguna dan memberi manfaat kepada orang ramai. Kini, ia boleh dimuat turun oleh kedua pengguna Apple dan Android melalui App Store mahupun Play Store.



INOVASI NIAGA

Atasi teksi panas melampau

■ Sirim bangun teknologi lindungi enjin kenderaan NGV

Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@metro.com.my

Kuala Lumpur

Teksi adalah kenderaan yang begitu sinonim dengan penggunaan gas asli kenderaan (NGV) di Malaysia berikutan ia memiliki harga lebih murah berbanding petrol dengan kadar penjimatan 60 hingga 70 peratus.

Bagaimanapun, maklum balas daripada pengguna kenderaan NGV menunjukkan risiko kerosakan kenderaan agak tinggi berbanding kenderaan berkuasa petrol kerana gas asli menyebabkan enjin mengalami kepanasan melampau dan kerosakan enjin yang serius.

Atas sebab itu, Sirim Berhad (Sirim) membangunkan teknologi 'Green NGV Save' untuk melindungi teksi NGV daripada mengalami kerosakan enjin disebabkan penggunaan bahan api NGV secara tidak terkawal melalui kawalan petrol, gas asli cecair dan kelajuan putaran enjin.

Ketua Seksyen RFID dan Sistem Kepintaran Pusat Rangkaian Sistem Sirim Hasmatulhaq Harun berkata, teknologi itu adalah projek di bawah Dana Sosio Ekonomi



AL Malek Faisal menunjukkan teknologi ciptaan SIRIM Green NGV Save di Bukit Jalil.

FAKTA
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ber-
jumlah RM56,000 bagi
meningkatkan ekonomi dan
membangunkan pengang-
kutan awam di negara ini.

"Teknologi yang dibangunkan sejak Oktober tahun lalu kini pada peringkat akhir kajian membabitkan 'working prototip' di mana ia dijangka lengkap pada April ini," katanya.

Beliau berkata, selepas

proses itu siap pihaknya akan melakukan ujian terhadap teknologi berkenaan.

Katanya, ia akan dipasang pada 10 hingga 20 teksi di Shah Alam bagi menguji kesesuaian dan keberkesanan untuk tempoh beberapa bulan akan datang.

"Perkara ini perlu dilakukan bagi memastikan penggunaannya seragam untuk semua jenis enjin kenderaan di mana pada masa kini kami menyasarkan ujian bagi kenderaan yang menggunakan

enjin Campro," katanya.

Hasmatulhaq berkata, Sirim membuka peluang kepada pihak berminat untuk mengkomersialkan teknologi itu melalui kaedah perlesenan dan kerjasama, sekali gus memastikan ia memberi manfaat kepada kumpulan sasaran iaitu pemandu teksi.

"Mereka boleh menggunakan kaedah perlesenan dan menggunakan teknologi yang dibangunkan pihak kami atau membangunkan sendiri sis-

tem kami ini.

"Dalam masa sama, mereka boleh menjalankan kerjasama dengan pegangan di tetapkan di mana kami akan sama-sama membangunkan teknologi ini sehingga pasaran komersial," katanya.

Beliau berkata, individu dan pihak berminat boleh menghubungi Pusat Pengkomersialan Sirim untuk mendapatkan maklumat dan melakukan perbincangan lanjut bagi memastikan kedua-dua pihak memperoleh

manfaat bersama dan situasi menang-menang.

Teknologi dibangunkan Jurutera Kanan Seksyen Sistem Pintar, Pusat Automasi Teraju dan Identifikasi Frekuensi Radio Sirim AL Malek Faisal Mohd Amin dan empat lagi penyelidik iaitu Mohd Azam Shah Abd Hamid, Mohd Suhaimi Abdul Wahab, Hassanul Hisham Ahmad Zambri serta Bolhi Brodi ini menerima pingat gangsa pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTF) 2016, Februari lalu.



MCMC, Polis Rampas Peranti Komunikasi Tidak Patuhi Standard

PUTRAJAYA, 29 Mac (Bernama) -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia merampas sejumlah peranti komunikasi di sebuah hotel di Seri Manjung, Perak baru-baru ini kerana disyaki tidak mematuhi keperluan standard teknikal.

Menurut MCMC, tujuh set peranti kamera litar tertutup tanpa wayar tidak berjenama yang dirampas bukan sahaja tidak mematuhi standard di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) malah juga tidak diperakui SIRIM QAS International Sdn Bhd.

"Kesemua peranti komunikasi tidak standard itu dirampas untuk membantu siasatan. Rakaman kenyataan pengurus hotel terbabit juga diambil," kata MCMC dalam kenyataan hari ini.

Menurut MCMC, rampasan berkenaan dibuat hasil aduan yang diterima daripada sebuah pemberi perkhidmatan Packet One Networks (P1) mengenai gangguan frekuensi yang menjejaskan perkhidmatannya kepada pelanggan di kawasan berkenaan.

"Hasil ujian frekuensi oleh MCMC mendapati, punca gangguan frekuensi yang dimaksudkan itu berpunca daripada beberapa unit CCTV tanpa wayar yang dipasang di sekitar kawasan tempat letak kereta hotel tersebut," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 239 AKM 1998 dan mereka yang didapati mengguna, memiliki atau mengedar apa-apa kelengkapan atau peranti tidak standard boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Suruhanjaya itu turut mengingatkan orang ramai agar tidak membeli atau menggunakan peranti atau kelengkapan komunikasi yang tidak mempunyai label pemerakuan MCMC kerana ia turut dikategorikan sebagai peranti atau kelengkapan yang tidak standard.

Pengguna boleh memeriksa produk komunikasi mereka menggunakan aplikasi mudah alih 'Check Your Label' untuk memastikan sama ada produk itu mempunyai sijil sah dan tulen, kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA

Nuklear Malaysia miliki kepakaran lupus sumber radioaktif terkedap

*Robot digunakan
untuk urus sisa
dalam kapsul
sebelum ditanam
dalam bumi*

Pernahkah terlintas di fikiran kita berapa panjang tempoh hayat sisa radioaktif? Mungkin bagi saintis atau mereka yang terabit dalam bidang ini tentunya dengan mudah memberikan jawapan. Namun, bagi masyarakat biasa tentunya tidak terjangkau dek minda.

Ada sesetengah sisa bahan radioaktif yang jangka hayatnya mencecah ratusan ribu tahun. Misalnya, Radium 226 yang banyak digunakan dalam alat penahan kilat, separuh hayatnya saja mencecah 1,600 tahun.

Sejak penemuan radioaktif pada akhir abad ke-19, bahan radioaktif banyak digunakan bagi tujuan perubahan, pertanian, industri dan pendidikan.

Dianggarkan sekurang-kurangnya 10 juta Sumber Radioaktif Terkedap yang Tidak Digunakan (DSRS) dikeluarkan di seluruh dunia dan dua juta sumber dikesan di Amerika Syarikat saja.

Sumber radioaktif terkedap ini banyak digunakan terutama dalam merawat kanser dan pada peringkat industri pula ia digunakan bagi menguji kimpalan yang penting bagi



**Nuklear Malaysia
satu-satunya pusat
penyimpanan sisa
radioaktif ini dan
dijangkakan ia
mampu menampung
jumlah DSRS
sehingga menjelang
tahun 2025"**

Mohd Abd Wahab Yusof,
Pengarah Bahagian Teknologi
Sisa dan Alam Sekitar Agensi
Nuklear Malaysia

memastikan keselamatan tekanan kepada kapal, pengesan asap, penahan kilat, pensterilan makanan serta penerokaan minyak serta gas.

Namun, semua sumber pastinya mempunyai tempoh kegunaannya. Ada yang tidak lagi berguna kerana unsur radioaktifnya tidak mencukupi, peralatan untuk menggunakannya rosak akibat masalah lain atau syarikat yang menggunakan sumber itu sudah tidak menjalankan operasinya.

Bahaya kepada manusia


Bagaimanapun, menurut Pengarah Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Dr Mohd Abd Wahab Yusof walau apa juga sebab ia tidak lagi digunakan, ia tidak bermakna sumber itu kehilangan kuasanya. Bahan ini masih lagi berbahaya kepada manusia.

Di Malaysia, katanya, kebanyakan industri menggunakan sumber radioaktif dalam bentuk punca terkedap. Mengikut peraturan, sisa bahan radioaktif ini perlu dilupuskan di negara tempat ia diimport seperti Jerman dan Amerika Syarikat, misalnya.

"Namun, timbul isu lain apabila ada sesetengah pihak industri enggan menghantar ke negara asal sisa buangan radioaktif kerana kos yang tinggi. Selain itu, ada syarikat pengeluar yang sudah tutup akibat mufis," katanya.

Atas dasar tanggungjawab sosial, Nuklear Malaysia turut menerima bahan sisa radioaktif untuk dilupuskan dengan kos yang sangat minimum.

Bahan radioaktif ini perlu dilupuskan dengan kaedah yang selamat dan



betul bagi mengelakkan ia dicuri pihak tidak bertanggungjawab.

Ia dibimbangi akan dijadikan 'dirty bomb,' bom radioaktif yang dibuat dengan gabungan bahan bakar konvensional. Bom ini dikatakan boleh digunakan sebagai senjata untuk mencemarkan kawasan yang terkena letupannya.

Salah guna sisa radioaktif

"Isu kini adalah apabila sisa radioaktif tidak dilupuskan dengan betul dan hanya diletakkan di merata-rata termasuk dalam bilik stor, sekali gus terdedah kepada penyalahgunaan dan dibimbangi memudahkan ia dicuri pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Bercerita mengenai kemudahan penyimpanan radioaktif di Nuklear Malaysia beliau berkata, pihaknya sudah menawarkan perkhidmatan itu



**Bangunan untuk penyimpanan radioaktif
di Agensi Nuklear Malaysia.** [FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]



**MONA
AHMAD**

mona@bh.com.my

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 31

TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

Stesen Nuklear Electricite de France
di Civaux, Perancis. (FOTO REUTERS)



sejak 1985. Ia disimpan di bangunan yang dikawal ketat dan hanya pekerja terse- narai saja dibenarkan memasuki bangu- nan itu.

8,000 sisa diurus Nuklear Malaysia

Ketika ini, sudah ada lebih 8,000 sumber sisa radioaktif yang diuruskan pihak agen- si berkenaan.

"Ada sisa radioaktif yang disimpan di Nuklear Malaysia separuh jangka hayat- nya yang disimpan di Nuklear Malaysia ada yang mencecah 30 tahun dan ada juga yang mencecah 1,600 tahun," katanya.

Objektif utama adalah untuk mengu- ruskan bahan sisa buangan radioaktif supaya ia selamat kepada orang awam dan alam sekitar untuk masa kini dan akan datang.

Mohd Abd Wahab berkata, ketika ini Nuklear Malaysia membuat penyelidikan berkaitan cara pelupusan yang baik dan selamat bukan hanya kepada generasi

kini tetapi juga akan datang.

Menerusi kajian itu, DSRS akan dima- sukkan dalam silinder tebal berkonkrit sebelum ditanam di dalam tanah yang dikonkritkan.


"Nuklear Malaysia satu-satunya pusat penyimpanan sisa radioaktif ini dan di- jangka ia mampu menampung jum- lah DSRS sehingga menjelang tahun 2025," katanya.

Namun, penyimpanan sisa radioaktif saja tidak mencukupi. Justeru, Nuklear Malaysia turut menjalankan peneli- dian pelupusan sisa radioaktif yang kini sudah pada peringkat penilaian kesela- matan.

"Dalam penyelidikan ini, selepas meng- umpulkan DSRS, proses pengkondisian (pemegungan) untuk mengurangkan jum- lah radioaktif dilakukan. Pengkondisian dilaksanakan untuk mengeluarkan radio- aktif dari perisiannya dan memasukkan dalam bekas silinder yang dicipta khas.

INFO

Rajah tempat pelupusan sisa radioaktif



"Kita nampak ia besar sebenarnya

tidak. Sebenarnya sisa ra- dioaktif ini hanyalah kecil. Dalam satu silinder boleh dimasukkan 60 hingga 100 unit. Ia perlu dilakukan dengan berhati-hati kerana apabila proses pengkondis- an ia membabitkan kadar ra- dioaktif yang tinggi dari ha- nya dikendalikan pakar ter- latih saja," katanya.

Pakar nuklear Malaysia

Sebelum ini katanya, pihak- nya menerima bantuan kepakar- an daripada Agensi Tenaga Nu- clear Antarabangsa (IAEA) tetapi kini Malaysia sudah mempun- yai pakar sendiri dan mampu mengendalikannya sendiri.


Semua proses dilakukan meng- gunakan bantuan robot, termasuk me- masukkan sisa radioaktif ke dalam kapsul ini menggunakan mekanikal ia akan di- paterikan sebelum dimasukkan dalam be- kas besi kalis karat.

Cara penyimpanan sisa radioaktif ne- gara tidak sama dengan negara maju seperti Amerika kerana jumlah sisa ra- dioaktif negara itu terlalu banyak ber- banding Malaysia.

"Selepai proses kimpalan, silinder akan dimasukkan dalam lubang gerek (bore- hold) ke dalam tanah yang dalam antara 30 meter hingga 300 meter dan 300 meter ke bawah yang dikenali sebagai ke dalam tanah yang dalam. Kamera kecil turut digunakan untuk melihat apa yang ber- laku di dalam tanah dalam itu," kata- nya.

Dalam penilaian keselamatan Nuklear Malaysia, selepas 13,000 tahun orang awam akan menerima 0.3 milisivert (mSv) setahun. Justeru, ia adalah cara yang paling selamat untuk melupuskan sisa radioaktif.

Peralatan untuk proses
penyimpanan radioaktif
di Agensi Nuklear Malaysia.



Ditanya mengenai pan- dangan negatif sesetengah pihak menge- nai kesan radioaktif menjadi punca pe- nyakit kanser beliau berkata, sehinga kini masih belum ada kajian yang mem- buktikan perkara itu.

Katanya, seperti kes di Hiroshima mi- salnya, masih belum ada bukti kukuh yang mampu mengaitkan penyakit kan- ser dengan kesan radioaktif ketika Perang Dunia Kedua. Mangsa yang mati kerana tidak tahan dengan kadar kepanasan aki- bat bom yang dijatuhkan itu bukannya akibat radiasi.

"Malah di beberapa kawasan di dunia misalnya di pekan Ramsar, Mazadaran Iran, kadar radioaktif semula jadinya ter- lalu tinggi namun ia langsung tidak men- jejaskan tahap kesihatan penduduknya.

"Saya sendiri sudah lebih 30 tahun be- kerja dalam bidang ini dan terdedah de- ngan radioaktif. Alhamdulillah, setakat hari ini masih sihat," katanya.

Beliau berkata pandangan negatif me- ngenai nuklear adalah kerana kurangnya kesedaran dan pendidikan mengenai nuklear sendiri.

Asap tebal berpuncu daripada kebocoran radioaktif
di sebuah kilang di Rawang pada April 2014. (GAMBAR HIASAN)



KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

Rain in Penang – a welcome relief

GEORGE TOWN: Isolated rain over certain areas in Penang brought much relief to the people after months of hot and dry weather.

Penang Water Supply Corporation Sdn Bhd chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa said the capacity of the Air Itam Dam increased from 64.7% to 65.2% following a 46mm rainfall on Monday night.

"However, there was only 2mm of rainfall at the Teluk Bahang Dam which was not significant to improve the water level," he said.

The capacity of the dam went down from 67.8% on Monday to 67.4% yesterday due to water usage.

He urged Penangites to continue to conserve water.

"Although, it was a blessing to finally have rain, we must still use water wisely," he said when yesterday.

Water Watch Penang president Prof Chan Ngai Weng said consumers tend to use more water during hot weather.

"However, we must be careful and not waste it," he said.

A check with the **Malaysian Meteorological Department** showed that the northeast and southwest district of the Penang island experienced isolated rain, while the north, central and south Seberang Prai

experienced coastal rain on Monday night.

Yesterday, the department's station in Butterworth recorded a 0.6mm daily rainfall while the stations at Bayan Lepas and Prai recorded less than 0.1mm daily rainfall.

The department has forecast isolated showers in the afternoon and night today and fair weather until April 4.

State Religious Affairs Committee chairman Abdul Malik Abul Kassim said about 1,000 Muslims attended a special prayer for rain at the Southwest District Mosque in Balik Pulau on Monday morning.



Welcome respite: Isolated rain in Penang bringing relief to George Town folk after months of dry and hot weather.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

**Kedah, Perlis
are the
hottest states**

KUALA LUMPUR: The highest temperatures yesterday were recorded at 3pm in Kedah and Perlis, with 37°C in Alor Setar and 36°C in Chuping, respectively.

The temperature was expected to return to normal in the middle of next month, said Meteorological Department deputy director-general (weather and climate) Alui Bahari.

"The two states usually experience hot weather in March and April," he said.

Alui said Langkawi had recorded 43 days without rain so far and advised the people to reduce outdoor activities and drink plenty of water to prevent heatstroke.

"During the inter-monsoon season in the middle of next month, west coast states in the peninsula are expected to experience rain or thunderstorms in the evenings," he said.

The rain and thunderstorms would reduce the heat brought on by the El Nino phenomenon, he added. — Bernama



Brown and bleak

Children walking at the Batu Buruk park in Kuala Terengganu. Dried leaves and grass dominated the landscape of the park after months of dry weather. Malaysia is expected to have blazing hot weather due to the equinox and El Nino phenomenon.

More Sabah villages going dry

Number of areas affected has increased by over 100 in just two days

KOTA KINABALU: The dry spell is causing more villages in Sabah to run out of water, with the number increasing by more than 100 in just two days.

State Natural Disaster Management Committee head of secretariat Kol Mulliadi Al Hamdi Ladin said the number of villages requiring water to be sent was 316 as at 8am yesterday, compared with 212 on Sunday.

He said the delivery of water by trucks was being handled jointly by the Water Department, Public Works Department, the Civil Defence Department and the respective district offices.

Kol Mulliadi said the northern Pitas district was among the most affected with 44 villages there requiring water to be sent, followed by Tuaran (40), Inanam in Kota Kinabalu (36) and Kota Belud with 25.

He told *The Star* that some 1,200 boxes of bottled water were ready to be shipped to drought-hit Pulau Banggi within the week.

Arrangements were also being



Help is here:
Civil Defence Department team delivering clean water to the villagers in Penampang district yesterday.

made to send bottled water from Sabah's northernmost town of Kudat to the island where folks from 16 kampung have made appeals.

Hundreds of Pulau Banggi villagers are now depending on a spring

at the foothill of Bukit Serong, some 13km from the island's main settlement of Karakit, for water.

The island's water treatment plant was operating at 30% of its maximum capacity of two million litres per day due to a drop in

river levels.

As the dry spell shows no sign of easing, other agencies including the Sabah Wildlife Department have taken preventive measures to stop forest and bush fires from breaking out.

Sabah Wildlife director William Baya said the department was temporarily freezing all hunting licences in the state.

"This is a precautionary measure to reduce the occurrence of forest fires that threaten the wildlife as well," he said.

The likelihood of forest fires increases with the presence of people in the jungle for hunting, William added.

Sabah Fire and Rescue Services Department director Nordin said they were getting up to 200 calls a day reporting bush and forest fires around the state.

"There are many bush fires. They are everywhere and we are doing our best to minimise the damage and prevent casualties," he said.

The Air Quality Index, however, remained at a healthy level of 49 at 11am on Tuesday, the Department of the Environment reported on its website.

Sabah Meteorological Department acting director Lim Ze Hui said they expected below normal rainfall until the end of April.



Gempa Bumi Sederhana Di Timurlaut Bitung, Indonesia

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter berlaku di Laut Maluku pada Selasa.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi (MET), gempa bumi itu berpusat 165 kilometer ke timurlaut Bitung, Indonesia dan 891 kilometer ke tenggara Semporna, Sabah.

Jabatan itu berkata gempa bumi yang berlaku pada 5.18 petang itu tidak menimbulkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana Di Selatan Sumatera

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.3 pada skala Richter melanda selatan Sumatera pada 2.24 petang tadi.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi, pusat gempa adalah 90 kilometer barat laut Bengkulu, Indonesia dan 521 kilometer barat daya Pontian, Johor.

Jabatan itu menyatakan tiada ancaman tsunami direkodkan.

-- BERNAMA



Kedah Dan Perlis Catat Suhu Tertinggi Setakat 3 Petang

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Kedah dan Perlis masih mencatat bacaan suhu tertinggi setakat pukul 3 petang hari ini berikutan gelombang haba yang melanda di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Cuaca dan Iklim) Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari berkata Alor Setar, Kedah mencatatkan suhu tertinggi berbanding negeri lain iaitu 37 darjah Celsius manakala Chuping, Perlis 36 darjah Celsius.

"Cuaca panas di dua negeri ini pada kebiasaannya akan berlaku antara bulan ini (Mac) hingga bulan depan (April), suhunya akan kembali normal pada pertengahan bulan depan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini Selasa.

Beliau mengulas mengenai cuaca panas melampau dan kering akibat fenomena El Nino ketika ini.

Alui berkata Pulau Langkawi di Kedah masih mencatatkan bilangan hari tanpa hujan paling lama iaitu 43 hari.

Sehubungan itu orang ramai diminta agar mengurangkan aktiviti luar buat masa ini dan minum banyak air untuk mengelakkan strok haba.

"Semasa musim peralihan monsun pada pertengahan bulan depan, negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia diramalkan akan mengalami hujan atau ribut petir terutamanya pada sebelah petang," katanya.

Hujan dan ribut petir itu akan mengurangkan cuaca panas, kata Alui.

Di TANJONG KARANG, Pengarah Pengurusan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, Eliyas Saad berkata tiga kawasan tanaman padi seluas 760 hektar di Sabak Bernam, didapati terjejas akibat fenomena El Nino.

Beliau berkata keadaan itu memberi kesan kepada 380 pesawah di tiga kawasan itu - Pasir Panjang, Sungai Leman dan Sungai Nipah.

"Ekoran cuaca panas yang melanda, bekalan air di palong sawah kurang dan menyebabkan air tidak dapat sampai ke petak sawah," katanya kepada pemberita selepas dialog isu padi anjuran IADA bersama masyarakat setempat, Selasa.

Turut hadir Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor Datuk Seri Noh Omar.

Eliyas berkata berikutan itu, IADA dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor telah mengambil inisiatif menyediakan kira-kira 55 buah pam bagi membantu pesawah menyedut air dari terusan utama untuk disalurkan ke petak-petak sawah.

Beliau berkata pesawah yang tidak terjejas di tiga kawasan berkenaan juga diminta supaya melewati proses penanaman padi bagi memastikan bekalan air mencukupi.

"Penanaman padi sepatutnya dimulakan 1 Mac lepas tetapi kita minta pesawah lewatkan dua minggu supaya proses penanaman padi di tiga kawasan terjejas itu dapat disempurnakan," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (RENCANA UTAMA) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

RENCANA UTAMA

El Nino siri 2015/2016 dianggap antara tiga El Nino terkuat sejak 1950. Fenomena itu diramal berlanjutan antara Jun hingga Ogos depan dengan tempoh yang lebih panjang.

MD. AKHIR HASAN, 67, (kiri) memerhatikan jentera pembajak yang tidak beroperasi kerana musim kemarau di Kampung Matang Kong, Alor Setar, Kedah.



CUACA panas berterusan dikhawatiri menyebabkan krisis air.

MEREKA yang tinggal di garisan Khatulistiwa akan mendapati matahari berada tegak di atas kepala pada waktu tengah hari.

Ekuinoks bukan punca cuaca panas melampau

FARIENA ELLYSHA WAN RAHMAN JAMARULAN, 10, (kanan) dan Nur Aina Batrsyia Azmi, 8, dari Sekolah Kebangsaan Presint 9 (2) Putrajaya melindungi kepala mereka daripada bahang matahari ketika pulang dari sekolah.



CAHAYA matahari terik memancar meskipun jam baru menunjukkan pukul 10 pagi. Keringat sudah membasahi tubuhnya dan sekumpulan pekerja yang tekun melepasi simen, menyusun bata dan menaikkan besi konkrit ke atas pencawang elektrik yang sedang dibina.

Itu rutin **Penyelia Kontraktor Pencawang Tenaga Nasional Berhad, Shamsul Anuar Samsudin** dari Sungai Petani, Kedah seawal pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang lima hari seminggu. Rutin

hariannya tidak berubah walaupun dalam keadaan suhu mencecah sehingga 39.1 darjah Celsius di bandar utama negeri itu.

Shamsul, 39, berkata, setiap hari pasti ada seorang atau dua pekerja tidak dapat hadir bertugas kerana bercuti sakit sejak kebelakangan ini.

"Bekerja dalam cuaca panas menyebabkan kami berasa cepat letih dan lesu. Saya perhatikan, sudah ramai tukang rumah mula beroperasi pada waktu malam kerana suasana lebih redup dan nyaman tetapi kami belum sampai ke tahap itu.

"Seingat saya, sudah lama tiada hujan. Tanah banyak yang merekah dan kering kontang. Di daerah sekitar Yan, Guar Chempedak dan Baling tekanan air amat rendah terutamanya pada waktu siang," kata bapa kepada tiga cahaya mata itu kepada *Kosmo!* baru-baru ini.



SHAMSUL ANUAR



MOHD. ZAMRI



MASTURA

Sesetengah pihak beranggapan suhu panas yang melanda negara ketika ini disebabkan oleh fenomena Ekuinoks.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Mohd. Zamri Shah Mastor berkata,

Ekuinoks yang berlaku dari pukul 12 tengah hari hingga 2 petang pada 20 Mac lalu tidak menyebabkan peningkatan suhu melampau.

Menurutnya, fenomena itu berlaku dua kali setahun apabila garisan Khatulistiwa bumi melalui pusat matahari dari hemisfera selatan ke hemisfera utara pada kecondongan sifar darjah menyebabkan negara berdekatan

Khatulistiwa menerima sinaran matahari maksimum dalam tempoh tersebut.

"Ketika itu, seluruh dunia akan mengalami waktu siang dan malam sama panjang iaitu masing-masing selama 12 jam.

"Angkasa meramal peredaran matahari akan kembali semula selepas enam bulan ia berada di kedudukan hemisfera utara ke hemisfera selatan pada pukul 10 malam waktu Malaysia, 23 September tahun ini.

"Ia lebih dirasai di negara-negara yang waktu siang dan malamnya tidak sama panjang seperti di Rusia, Arab Saudi dan Antartika," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Geografi

Tambahnya, mereka yang tinggal di negara berdekatan garisan Khatulistiwa akan mendapati matahari berada tegak di atas kepala sekiranya ia berlaku pada waktu tengah hari dan situasi itu bergantung pada waktu tempatan masing-masing.

Pakar Meteorologi dan Pencemaran Udara dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Mastura Mahmud berkata, keadaan cuaca dan suhu sesuatu kawasan dipengaruhi oleh kedudukan geografi dan tiupan angin monsun.


Menurutnya, Kedah dan Perlis berbeza sedikit dengan negeri-negeri lain di selatan Semenanjung Malaysia



SAMBUNGAN... KOSMO (RENCANA UTAMA) : MUKA SURAT 23 TARIKH : 30 MAC 2016 (RABU)

RENCANA
UTAMA

INFO Fenomena Ekuinoks



kerana kedua-duanya lebih hampir dengan Thailand menyebabkan ia mengalami kelembapan udara agak rendah serta kering.

"Negeri berkenaan terletak di 6 darjah Utara dari garisan Khatulistiwa sekali gus mempengaruhi kadar taburan hujan dan iklim setempat.

"Berbanding Kuala Lumpur, walaupun pada musim kemarau, ibu kota masih menerima hujan bukit kerana kedudukannya hampir dengan Banjaran Titiwangsa pada latitud 3 darjah Utara dari garisan Khatulistiwa," jelasnya.

El Nino

El Nino turut menjadi punca utama cuaca panas. Pakar-pakar cuaca di serata dunia berpendapat, impaknya setara dengan El Nino yang pernah terjadi pada tahun 1997 dan 1998.

Beliau yang juga Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM berkata, El Nino siri 2015/2016 dianggap antara tiga El Nino terkuat sejak 1950.

Katanya, fenomena itu turut diramal akan berlanjutan antara Jun hingga Ogos dengan tempoh yang lebih panjang dan dikhuatiri akan memberi kesan kepada bekalan air.

Jelasnya, El Nino kali ini lebih dirasai kerana ia bertindih dengan tempoh penghujung monsun timur laut yang sedang merentasi meninggalkan Malaysia. Ia mempengaruhi suhu kawasan yang dilaluinya dengan

membawa keadaan kering.

Tambahnya, litupan awan turut memberi kesan kepada suhu dengan berperanan melindungi bumi daripada sinaran cahaya matahari secara langsung.

Jelasnya, Malaysia yang terletak di kawasan kebenuaan kelautan iaitu kawasan

diliputi laut lebih luas daripada daratan sepatutnya mempunyai banyak awan. "Namun taburan awan yang dipantau oleh satelit baru-baru ini menunjukkan keadaan awan agak menipis dan tidak berkumpul dengan banyak terutama di Semenanjung Malaysia.

"Hal ini kerana, ketika El Nino suhu laut turut meningkat dan awan-awan tersebut berpindah ke arah tengah Lautan Pasifik.

"Keadaan ini terjadi berikutan suhu permukaan air laut di bahagian tengah Lautan Pasifik menjadi lebih panas berbanding kawasan tepian lautan yang menyebabkan pembentukan

awan di sana," katanya.

Berkongsi pandangan serupa, Pengarah Pusat Kajian Kelestarian Global, Universiti Sains Malaysia Prof. Dr. Kamarulazizi Ibrahim berkata, suhu laut menjadi penanda aras dan petunjuk tepat kepada perubahan iklim yang melanda dunia kini.

Katanya, pusat itu mengambil inisiatif memantau suhu laut sebagai langkah bersiap sedia mendepani jangkaan perubahan cuaca ekstrem di rantau ini dengan bekerjasama dengan Jaringan Asia Tenggara dan Asia Pasifik bagi menjalankan penyelidikan perubahan cuaca global.

Stesen satelit

Katanya, pemantauan itu dilakukan pusat berkenaan menerusi rangkaian stesen satelit dunia setiap hari.

"Trend pengumpulan data dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini mendapati, suhu laut meningkat antara 0.8 hingga 1.0 darjah Celsius daripada suhu normal.

"Peningkatan suhu melebihi

2.0 Celsius boleh menyebabkan perubahan cuaca ekstrem yang akan memberi implikasi besar kepada ekosistem dunia," katanya menambah suhu normal laut di Malaysia adalah sekitar 35 darjah Celsius.

Tambahnya, perubahan cuaca kini turut berkait rapat dengan pemanasan global kesan daripada rumah hijau berpunca daripada aktiviti manusia yang pelbagai.

Komposisi gas rumah hijau yang dibebaskan industri dan aktiviti seharian seperti, karbon dioksida, karbon monoksida serta nitrogen dioksida bersifat menyimpan haba dan melambatkan proses pembebasan haba.

"Kesan rumah hijau terjadi akibat atmosfera memerangkap haba yang dikeluarkan oleh gas rumah hijau dan atmosfera menyimpan lebih banyak haba (daripada yang dibebaskannya) menyebabkan bumi menjadi semakin panas," katanya.



SEKUMPULAN pekerja kontrak bertungkus-lumus menyiapkan sebuah bangunan di Jalan Tun Razak meskipun dalam keadaan cuaca panas terik.

Ambil iktibar musim kemarau

CUACA panas yang melanda negara ketika ini tidak sepatutnya dilihat dari sudut negatif atau dianggap menyusahkan urusan seharian semata-mata.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, ia adalah dugaan untuk mendidik jiwa manusia supaya bersabar dan

menginsafi diri.

"Sesuatu musibah itu jika dilihat dengan mata hati dan akal pasti ada pengajaran di sebaliknya kerana Allah tidak menjadikan sesuatu itu sia-sia untuk menzalimi hamba-Nya.

"Apa yang penting, laluiinya dengan sabar dan sentiasa yakin



ZULKIFLI

masyarakat supaya

bentuk nikmat yang dikurniakan Pencipta kepada manusia adalah berbeza-beza serta dalam pelbagai bentuk," katanya ketika dihubungi Kosmo! baru-baru ini.

Dalam pada itu, Zulkifli turut mengingatkan

memanfaatkan penggunaan air dan tenaga secara berhemah sebagai tanda menghargai alam sekitar.

"Nabi Muhammad pernah bersabda mengenai larangan membazir ketika berwuduk sekalipun berada dalam sungai yang mengalir. Dalam kesenangan sekalipun, kita dianjurkan berjimat apatah lagi dalam kekurangan," ujarnya.